



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"KEINDAHAN TAKWA"

29 November 2024 / 27 Jamadilawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungannya di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat ihsan Illahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "KEINDAHAN TAKWA"

Firman Allah SWT, ayat 102 surah Ali Imran:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾﴾

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam!

Takwa berasal dari perkataan *تَقَى* bermaksud memelihara. Ibn Manzur dalam *Lisan al-'Arab* menjelaskan bahawa takwa bermaksud berhati-hati atau memelihara diri daripada segala perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah dengan mematuhi segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Ilmuwan Islam mengumpamakan takwa seperti seseorang yang berhati-hati ketika melalui di kawasan yang berduri. Umumnya takwa boleh ditakrifkan sebagai pengabdian menyeluruh seorang hamba kepada Tuhannya merangkumi zahir dan batin. Manusia yang paling bertakwa disifatkan sebagai manusia

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



yang paling mulia di sisi Allah SWT, digelar sebagai golongan *muttaqin* – Insya Allah diganjar kebaikan dunia dan akhirat.

Ummah, terutama kaum lelaki diperingatkan oleh mimbar setiap kali menunaikan solat Jumaat dan solat sunat aidilfitri – aidiladha; agar mempertingkatkan takwa kepada Allah SWT, menjadikan takwa sebaik-baik bekalan untuk dibawa bertemu Illahi – sebaik-baik pakaian yang menghiasi diri dalam kehidupan. Ayat 102 surah Ali Imran yang khatib perengarkan pada awal khutbah menunjukkan kepentingan takwa dalam kehidupan; diperintahkan agar kekal bertakwa sehingga akhir hayat.

Mukmin yang bertakwa akan bersungguh-sungguh melakukan perkara kewajipan dalam agama serta berusaha menjalin hubungan baik sesama manusia atas dasar tanggungjawab kepada Yang Maha Esa. Takwa membuahkan nilai-nilai murni, mendekati yang halal – menjauhi yang haram, melahirkan Mukmin yang berkeperibadian mulia, berintegriti – beramanah dan menyemai sifat ikhlas sehingga meletakkan segala perbuatan di dunia bertujuan semata-mata meraih keredaan Allah SWT.

Rasulullah SAW memerintahkan umatnya agar bertakwa pada setiap masa dan keadaan berpandukan hadis berikut:

إِتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَاتَّبِعِ السَّبِيَّةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Bermaksud: "Bertakwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada dan iringilah kejahatan dengan amalan kebaikan nescaya (kebaikan itu) menghapuskan (kejahatan) dan berakhlaklah sesama manusia dengan akhlak yang baik. **(Hadis Riwayat At Tarmizi)**

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Illahi,

Mimbar menyenaraikan kesan takwa dalam kehidupan:

Pertama: Mendorong kejujuran dan integriti: Takwa menjadikan seseorang lebih jujur, beramanah dan berintegriti. Mukmin bertakwa sedar bahawa Allah Maha Mengetahui apa yang tersembunyi dalam hatinya dan apa yang dilakukan dan menghalangnya dari melakukan penipuan dan penyelewengan.

Kedua: Mendidik kesabaran dan kekuatan menghadapi cabaran hidup: Orang yang bertakwa akan menghadapi ujian dan cabaran hidup dengan kesabaran dan kekuatan. Mereka percaya bahawa segala yang berlaku adalah ketentuan Allah dan setiap kesulitan pasti ada hikmah di sebaliknya.



Ketiga: Menghindarkan diri daripada sifat mazmumah: Takwa melindungi Mukmin daripada sifat-sifat mazmumah seperti riak, megah, sombong, hasad dengki, tamak, dan haloba. Orang yang bertakwa akan sentiasa menjaga hati dan perilaku mereka agar tidak terjebak dalam sifat-sifat yang merugikan diri sendiri serta orang lain.

Keempat: Mencapai kedamaian dan kebahagiaan hakiki: Takwa adalah jalan yang membolehkan seseorang merasakan ketenangan dan kebahagiaan hakiki dalam hidup. Orang yang bertakwa sentiasa reda dengan ketentuan Illahi, tidak terlalu mengejar duniawi yang bersifat sementara, dan sentiasa merasakan kehadiran Allah dalam setiap langkah hidupnya.

Kelima: Menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat: Mukmin bertakwa akan menjadi contoh teladan kepada masyarakat sekeliling. Mereka akan sentiasa menjaga akhlak, menghormati orang lain, dan membantu mereka yang memerlukan. Orang yang bertakwa juga pasti tidak akan membiarkan kemungkaran berlaku di sekelilingnya.

Jemaah yang dirahmati oleh Illahi

Takwa yang disemai dengan benar, tulus dan ikhlas kerana Allah akan mengiasi Muslim dengan nilai murni terutama memiliki sifat malu dalam diri. Sifat malu yang terbit dari ketakwaan berupaya mencegah Mukmin dari melakukan perkara keji dan mengaibkan. Mimbar memperingatkan akibat hilangnya perasaan malu. Rasulullah SAW menyifatkan seseorang yang hilang perasaan malu akan berbuat apa sahaja yang dia mahukan dan sudah pasti hal demikian amatlah dikeji di sisi Allah SWT berpandukan hadis:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى : إِذَا لَمْ تَسْتَحِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ

Bermaksud: Sesungguhnya perkara yang diperoleh (dipelajari) oleh manusia sejak daripada seruan awal para rasul; "Jika kamu tidak merasa malu, buatlah apa yang kamu mahu!"

Hakikatnya! umat Islam kini semakin kurang memiliki sifat malu sehingga tergamak melakukan pelbagai kemungkaran. Para wanita tanpa segan silu memperlihatkan aurat dan tubuh badannya, berjoget dan menari lalu dijadikan bahan kandungan di media sosial. Tanpa segan silu, tanpa rasa malu kepada Tuhan dan jauh dari rasa berdosa, segelintir umat Islam, bersifat tamak, berperangai rakus, sanggup menipu dan berbohong semata-mata untuk merebut kekayaan dan mencari pengaruh;



berlaku dalam pelbagai bidang tugas dan pekerjaan, merangkumi sebahagian agamawan, ahli politik, penjawat awam dan pekerja swasta.

Punca lahirnya perbuatan salah guna kuasa, rasuah dan pengkhianatan dalam kalangan masyarakat, merupakan natijah daripada pengabaian perintah takwa – terhakisnya perasaan malu. Malangnya budaya rasuah dan salah guna kuasa dijadikan kebiasaan dalam dunia pekerjaan dan kehidupan harian; dilaporkan semakin berlaku dan merebak.

Sikap tidak beramanah, rasuah, penyelewengan dan budaya sogok menyogok semakin berani dan terang terangan melalui sindiket dan perancangan yang tersusun. Hal ini memperlihatkan kelompangan dan kelemahan sistem kawalan sedia ada, juga kurang ketegasan begitu juga keberanian, berlakunya pilih kasih ketika menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah rasuah dan mendakwa serta menjatuhkan hukuman kepada mereka yang bersalah.

Jemaah Rahimakumullah,

Kesimpulan, takwa adalah asas, akar dan pokok keimanan yang mendekatkan seorang hamba kepada Allah. Jadikan takwa sebagai pakaian dalam kehidupan. Takwa berupaya membimbing hati nurani mudah melakukan amal soleh dan gentar melakukan larangan Tuhan. Dengan takwa, kehidupan lebih diberkati, membuka pintu rezeki dan membentuk kelakuan murni, bersifat membela kebenaran, menjauhi perbuatan mungkar, sehingga menciptakan hidup yang lebih bermakna dan diredai Illahi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Karim Ya Hadi!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami untuk mengamalkan takwa dalam kehidupan pada setiap masa dan di mana kami berada. Golongkan kami dan zuriat keturunan kami dalam kalangan hamba Mu yang *muttaqin* seterusnya dipermudahkan untuk kami jalan menuju ke syurga Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.

2030 PERAK SEJAHTERA

Subuh seperti Jumaat
30 NOV 2024

Mosque Trail @ UBUDIAH KUALA KANGSAR

LAH AHMAD
Penyanyi, Penulis Lagu, Pelakon

USTAZ HANAFIAH
Penceramah Bebas & Personaliti TV

• SOLAT SUBUH • KULIAH SUBUH • BRISK WALK @ UBUDIAH •
• CUCI MASJID • PAMERAN AGENSI •
• PAMERAN CAMPERVAN • KUIZ PELANCONGAN • CENDERAHATI •

• Boleh Beriktikaf • Sarapan Pagi Disediakan •

Tourism Perak, Islamic Tourism Centre, Srinof Art

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah sekalian, di sini ada pengumuman ingin disampaikan iaitu Masjid Ubudiyah Kuala Kangsar mengalu-alukan kehadiran para-Jemaah ke program “**Mosque Trail Ubudiyah**” yang akan berlangsung pada hari Sabtu 30 November 2024. Pelbagai program menarik yang memberi manfaat rohani dan jasmani akan dianjurkan antaranya Solat Subuh Seperti Jumaat, Kuliah Subuh yang akan disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Hanafiah, Brisk Walk, Pameran Campervan, Kuiz Pelancongan dan sebagainya. Dijemput para-Jemaah hadir memeriahkan.